

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SAU406 - Isu-Isu Dalam Budaya dan Masyarakat

Masa : [2 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA** soalan sahaja. **SATU** soalan daripada **BAHAGIAN A** dan **SATU** daripada **BAHAGIAN B**. Tiap-tiap soalan akan diberi markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. (a) Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pandangan bahawa emansipasi wanita berkait dengan emansipasi lelaki; khususnya dalam konteks menerima tanggungjawab domestik dan keluarga?

- (b) Apakah isu-isu penting mengenai pembangunan wanita yang dibincangkan di Persidangan Dunia Wanita di Beijing?

[100 markah]

2. Kaum remaja mungkin menghadapi banyak masalah peribadi dan kelompok dalam proses penyesuaian diri di bandar dan kota. Terangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum remaja Malaysia? Sejauhmanakah masalah-masalah ini wujud mengikut gender dan kelas?

[100 markah]

...2/-

[SAU 406]

3. Isu-isu persekitaran biasanya berhubung dengan pembangunan masyarakat terancam. Dengan menggunakan dua kajian kes yang sesuai, terangkan bagaimana dasar-dasar pembangunan ekonomi memanfaatkan atau/dan merosotkan keadaan ekonomi masyarakat tempatan.

[100 markah]

BAHAGIAN B

4. Keganasan terhadap wanita, kanak-kanak, golongan tua dan kaum remaja terjadi bukan sahaja di medan peperangan, tetapi juga di dalam institusi keluarga. Jelaskan bagaimana golongan-golongan lemah ini menjadi mangsa keganasan?

[100 markah]

5. 'Keetnikan boleh menjadi satu perjuangan nasionalisme atau rasisme'. Beri contoh-contoh yang sesuai untuk menjelaskan kenyataan ini.

[100 markah]

6. Bolehkah Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak mempunyai masa depan yang cerah?

[100 markah]

-- oo oOo oo --